

■ **Maklumat anggota PKR tidak pernah didedahkan kepada mana-mana pihak**

Mohd Izham Unnip Abdullah
am@hmetro.com.my

Kota Kinabalu

Setiausaha Agung Parti Keadilan Rakyat (PKR), Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail, menafikan dakwaan bahawa ibu pejabat parti itu terbabit dalam memberikan data atau maklumat berhubung nombor telefon pemimpin di peringkat cabang.

Beliau berkata, dakwaan itu seperti disebut Timbalan Presiden PKR, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali, adalah tidak berasas selain menjejaskan bahawa bukan kerja pentadbiran PKR untuk menyebarkan maklumat parti kepada mana-mana pihak.

Bagaimanapun, katanya data berhubung alamat atau nombor telefon pemimpin PKR sama ada di peringkat cabang, negeri atau Pusat bukan sesuatu yang rahsia untuk diperolehi jika pihak yang mengkehendakinya menghubungi individu atau mereka yang terbabit.

“Saya sebagai Setiausaha Agung ditanya bagaimana data parti bocor, tapi saya nak jelaskan bahawa data te-



SAIFUDDIN pada sidang media selepas Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri PKR Sabah, Kota Kinabalu.

ISU VIDEO LUCAH

Nafi bocor data telefon

lefon dan alamat pimpinan parti dari peringkat cabang dan pusat sebenarnya bukanlah sukar diperolehi, malah pada pemilihan parti lalu, apabila bertanding data asas seperti itu adalah syaratnya.

“Jadi ia bukan satu yang rahsia untuk tidak dimiliki mana-mana pihak. Sebagai ketua pentadbiran parti, bukan jadi kerja kakitangan saya untuk menghebah maklumat parti kepada mana-mana pihak tapi itu boleh saja diperolehi jika ada pihak

berkehendakkannya dengan cara menghubungi individu dan mereka yang terbabit.

“Tapi apabila disebut ini semacam ada pembabitian atau langkah tersusun ibu pejabat parti untuk terbabit tetapi itu tidak berlaku sama sekali,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas perjumpaan tertutup dengan pemimpin dan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri PKR Sabah yang turut dihadiri Presidennya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan Pe-

ngerusi PKR negeri, Datuk Christina Liew, di sini, semalam.

Anwar terus meninggalkan majlis dan menyerahkan kepada Saifuddin untuk bercakap kepada media.

Ditanya sama ada ibu pejabat parti akan menyiasat kes video berkenaan berikutan gesaan Azmin, Saifuddin berkata, pihaknya kekal dengan keputusan mesyuarat Biro Politik parti sebelum ini yang menyerahkan siasatan itu kepada polis.